

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 April 2017

SOALAN

Datuk Dr. Lucas Umbul minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan penyertaan dan keterlibatan wanita dalam pembangunan negara melalui perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan program-program pembangunan wanita selaras dengan Dasar Wanita Negara.

JAWAPAN

Wanita merupakan aset penting Negara dan usaha membangun dan memartabatkan wanita di Malaysia telah menyaksikan kejayaan wanita di dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Ini adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang antaranya memastikan peluang yang sama rata (equal opportunities) di berikan tanpa mengira lelaki atau wanita. Dasar Wanita Negara telah digubal bagi mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Beijing Declaration and Platform for Action dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Bagi memastikan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ini terlaksana, Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita (MPPW) telah ditubuhkan bertujuan sebagai badan penasihat dan jentera utama kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara berhubung wanita termasuklah usaha untuk memperkasa tenaga mahir wanita seperti visi Transformasi Nasional 2050 (TN50). Tuan Yang di-Pertua, Bagi memastikan Dasar Wanita Negara kekal relevan, kementerian ini juga sedang melaksanakan semakan semula ke atas dasar ini bagi: i) mengkaji semula semua strategi di bawah pelan tindakan; ii) mengenal pasti kaedah pelaksanaan dan pemantauan, bagi memastikan outcome yang lebih berkesan; iii) mengkaji kekuatan dan kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan dasar dan pelan tindakan; iv) memastikan kesinambungan pemeraksanaan wanita dalam penggubalan dasar-dasar negara; dan v) mengukuhkan pelan tindakan pembangunan wanita. Selain itu, kerajaan juga melaksanakan pelbagai inisiatif lain untuk meningkatkan penyertaan dan keterlibatan wanita dalam pembangunan negara. Antaranya ialah penetapan sasaran 59% penglibatan wanita dalam tenaga kerja dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) pada tahun 2020. Selain itu juga, kerajaan telah mengumumkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004 dan diikuti dengan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Swasta pada 27 Jun 2011. Kerajaan juga telah menggubal Pelan Tindakan Pemeraksanaan Ibu Tunggal pada tahun 2015 yang juga menekankan matlamat yang sama iaitu untuk meningkatkan penyertaan dan keterlibatan wanita khususnya ibu tunggal dalam pembangunan Negara. Kerajaan juga telah memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 inisiatif (TN50) sebagai kesinambungan dasar-dasar semasa dan sebelumnya. TN50 akan bermula di peringkat akar umbi, sebelum ia diperluaskan ke tahap yang lebih tinggi untuk memberi manfaat kepada negara dalam tempoh 30 tahun akan datang yang melibatkan semua komponen dalam negara kita termasuk wanita yang mempunyai peranan penting untuk menyumbang kepada negara dalam menyuarakan keperluan dan keperluan wanita untuk membentuk masa depan negara ini. Bagi mencapai hasrat Kerajaan ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya ialah usaha untuk menggalakkan wanita kekal bekerjaya dan kembali bekerja bagi membantu keluarga menghadapi kenaikan kos sara hidup serta menyumbang kepada ekonomi negara. Antara inisiatif yang dilaksanakan: (i) Melipatgandakan persekitaran kerja yang lebih kondusif dengan memastikan sistem sokongan terhadap wanita dalam menyertai bidang pekerjaan dapat dipenuhi dengan menggalakkan amalan kerja dan kehidupan yang seimbang (work life balance), amalan kerja anjal (flexible working arrangements) dan pilihan untuk bekerja dari rumah; (ii) Mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dengan memastikan sistem sokongan terhadap wanita dalam menyertai bidang pekerjaan dapat dipenuhi dengan menggalakkan amalan kerja dan kehidupan yang seimbang (work life balance), amalan kerja anjal (flexible working arrangements) dan pilihan untuk bekerja dari rumah; (iii) Meningkatkan akses kepada Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) dengan menggalakkan penambahan pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti di komuniti, tempat kerja awam dan swasta; (iv) Memperluaskan akses kepada pekerjaan melalui Program 1Malaysia Support for Housewives (1MS4H); dan (v) Memperluas program “kembali bekerja” seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp untuk menggalakkan wanita yang berkecualan yang telah keluar dari tenaga kerja disebabkan komitmen keluarga untuk kembali bekerja melalui kerjasama dengan pihak swasta. Kerajaan juga berharap bahawa lebih banyak kerjasama dapat dilaksanakan dengan pelbagai pihak termasuk sektor swasta dan badan bukan Kerajaan dalam usaha untuk lebih meningkatkan penyertaan dan keterlibatan wanita dalam pembangunan Negara.

